

Sila baca terma dan syarat sebelum mengisi borang ini.

**A. MAKLUMAT PENDEPOSIT (SIMATI)**

NO. K/P BARU	<input type="text"/>	NO. K/P LAMA	<input type="text"/>
NO. AKAUN TH	<input type="text"/>		
NAMA	<input type="text"/>		
	<input type="text"/>		
TARIKH MATI	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>
		NOMBOR SIJIL MATI	<input type="text"/>

**B. MAKLUMAT PEMOHON**

NO. K/P BARU	<input type="text"/>	NO. K/P LAMA	<input type="text"/>
NO. AKAUN TH	<input type="text"/>	PERTALIAN DENGAN SIMATI	<input type="text"/>
NAMA	<input type="text"/>		
	<input type="text"/>		
ALAMAT	<input type="text"/>		
	<input type="text"/>		
	<input type="text"/>	POSKOD	<input type="text"/>
EMEL	<input type="text"/>	NO. TELEFON	<input type="text"/>

**C. CARA BAYARAN (tandakan (✓) di ruang kotak yang berkenaan)**

Saya bersetuju wang tersebut dibayar seperti berikut:

<input type="checkbox"/> Kredit Ke Akaun TH	<input type="checkbox"/> Melalui Cek <small>(Terhad kepada institusi / syarikat / bukan warganegara/individu bankrap)</small>	<input type="checkbox"/> Derma Tabung Kebajikan Jemaah Haji Malaysia (TKJHM)
---	---	--

**D. PERAKUAN PEMOHON (sebagai pengesahan perakuan )**

- Saya memperakukan semua maklumat di atas adalah benar dan tepat. Saya sebagai pemegang amanah adalah mewakili waris-waris simati dan apabila wang di atas diterima, saya berjanji dan mengaku dengan sesungguhnya akan membahagikannya mengikut hukum syarak.  
Sekiranya saya memilih untuk mendermakan kepada TKJHM, saya mengaku telah mendapatkan persetujuan daripada semua waris simati yang berhak mengikut hukum syarak.
- Saya juga memperakukan dan bersetuju sekiranya penutupan akaun simati dilakukan sebelum tarikh pengkreditan Agihan Keuntungan, saya hanya berhak menerima baki wang simpanan akaun TH simati sahaja setelah ditolak caj penutupan akaun sebanyak RM5.00 dan saya tidak layak mendapat Agihan Keuntungan yang akan diumumkan oleh TH kelak.

PEMOHON	PENGESAHAN SAKSI (RUJUK PARA 7 BELAKANG BORANG)
Tandatangan dan Cap Ibu Jari Kiri :	Tandatangan dan Cop Rasmi :
Tarikh :	Nama :
Cop Syarikat :	Jawatan :
	No. K/P :
	Tarikh :

## TERMA DAN SYARAT PENGELUARAN PUSAKA (BORANG JP005)

1. Pemohon hendaklah melengkapkan Borang Permohonan Pengeluaran Pusaka (JP005) bagi membuat tuntutan pusaka akaun simpanan **TH** simati. Pemohon mestilah individu berumur 18 tahun ke atas atau pihak pentadbir / pihak ketiga yang dilantik. Pemohon perlu hadir ke **TH** untuk urusan pendaftaran pusaka.
2. Caj Penutupan Akaun adalah RM5.00 atau mana-mana yang lebih rendah berdasarkan baki semasa akaun pendeposit akan dikenakan ke atas permohonan penutupan akaun.
3. Sila kemukakan dokumen asal beserta salinan yang diakui sah seperti berikut:-
  - 3.1 Dokumen Pengenalan Diri Pemohon / Surat Pengesahan jika syarikat atau institusi.
  - 3.2 Sijil Kematian Pendeposit / Laporan Kematian Luar Negara (yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia).
  - 3.3 Surat Kuasa / Perintah (jika pendeposit tidak membuat penamaan).
  - 3.4 Dokumen Pengenalan Diri Penjaga Sah (jika Penama/Pemegang Amanah/Waris di bawah umur 18 tahun).
  - 3.5 Sijil Kelahiran (jika Penama/Pemegang Amanah/Waris di bawah umur 18 tahun).
  - 3.6 Sijil Kematian / Laporan Kematian Luar Negara bagi Penama/Pemegang Amanah/Waris yang telah meninggal dunia.
  - 3.7 Sijil Nikah Suami / Isteri (diperlukan sekiranya baki akaun RM1,000.00 dan ke bawah dan tiada penama / pemegang amanah / surat kuasa / perintah).
  - 3.8 Sijil Kelahiran Waris (diperlukan sekiranya baki akaun RM1,000.00 dan ke bawah dan tiada penama / pemegang amanah / surat kuasa / perintah)
  - 3.9 Perintah Mahkamah / Perintah JKPTG / Pejabat Tanah / Daerah (Bicara Pusaka Kecil) / Pejabat Probate / Amanah Raya Berhad (sekiranya penama/pemegang amanah/waris/pihak ketiga Koma/Tidak Kompeten/Tidak Berupaya (Incapacitated)/ Nyanyuk/ OKU (Tidak Waras)/Tidak Dapat Dikesan.
  - 3.10 Surat Akuan Bersumpah (Akta Akuan Berkanun 1960)
  - 3.11 Lain-lain dokumen sokongan (sekiranya diperlukan oleh **TH**).(Nota : Pengesahan dokumen hendaklah dilakukan oleh saksi sepertimana di perenggan 7 di bawah)
4. Penama / Pemegang Amanah yang dinamakan sahaja perlu melengkapkan borang JP005 (Borang Permohonan Pengeluaran Pusaka). Pihak ketiga boleh membuat permohonan dengan syarat mendapat persetujuan daripada Penama / Pemegang Amanah (perlu melengkapkan Borang JP006).
5. Simpanan melebihi RM1,000.00 yang tiada Penama / Pemegang Amanah hendaklah mendapatkan salah satu Surat Kuasa / Perintah daripada institusi seperti berikut:-
  - 5.1 Mahkamah Syariah;
  - 5.2 Mahkamah Sivil;
  - 5.3 JKPTG / Pejabat Tanah / Daerah (Bicara Pusaka Kecil) / Pejabat Probate; atau
  - 5.4 Amanah Raya Berhad (Pentadbir Pusaka).Borang permohonan (JP005) hendaklah dilengkapkan oleh pihak yang telah ditentukan dalam mana-mana satu Surat Kuasa / Perintah di atas. Pihak ketiga boleh membuat permohonan dengan syarat mendapat persetujuan daripada pihak yang telah ditentukan dalam mana-mana satu Surat Kuasa / Perintah tersebut (perlu melengkapkan Borang JP006).
6. Simpanan RM1,000.00 dan ke bawah dan tiada Penama / Pemegang Amanah / Surat Kuasa / Perintah, pemohon (waris/penjaga yang sah) hendaklah melengkapkan Borang JP005 dan seorang waris lagi hendaklah melengkapkan Borang JP006 (Borang Akuan Waris). Sekiranya Waris Tunggal, pemohon perlu mendapatkan pengesahan/perakuan daripada salah satu seperti berikut:-
  - 6.1 Pesuruhjaya Sumpah (Akta Akuan Berkanun 1960);
  - 6.2 Penghulu; atau
  - 6.3 Ketua Kaum / Masyarakat (Sabah dan Sarawak sahaja).(Nota: Waris bermaksud waris yang berhak mengikut hukum syarak)
7. Saksi hendaklah terdiri daripada:
  - 7.1 Anggota Tabung Haji
  - 7.2 Amanah Raya Berhad (ARB) (tuntutan yang dibuat oleh ARB sahaja)
  - 7.3 Bagi penama/pentadbir/waris/pihak ketiga yang berada/menatap/ bekerja/belajar di luar negara Malaysia:-
    - Pegawai Tempat Belajar;
    - Pegawai Tempat Bekerja;
    - Pihak Kedutaan / Konsulat / Kementerian Malaysia;
    - Pihak Kedutaan / Konsulat / Kementerian warganegara tersebut; atau
    - Notari Awam (Public Notary).
  - 7.4 Bagi penama/pentadbir/waris/pihak ketiga yang ditahan di pusat tahanan, JP006 dan dokumen sokongan perlu disahkan oleh pegawai yang menyelia di pusat tahanan tersebut sebagai saksi.
8. Sekiranya Penama / Pemegang Amanah / Waris berumur di bawah 18 tahun, Penjaga sah (mengikut Akta Kanak-Kanak 2001, Akta Penjagaan Budak 1961, Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952) atau melalui Perintah Mahkamah lantikan Penjaga Sah, boleh membuat tuntutan ataupun memberi persetujuan kepada pihak ketiga.
9. Jika Penama / Pemegang Amanah / Pihak Ketiga yang dinamakan dalam Surat Kuasa / Perintah lebih daripada seorang, proses bayaran akan dibuat setelah semua dokumen permohonan lengkap diterima. Pemohon boleh membuat permohonan secara berasingan di mana-mana Cawangan **TH** berhampiran dan Pemohon hendaklah menandatangani borang ini di hadapan saksi pada tarikh yang sama. (Tempoh masa bayaran adalah 14 hari bekerja **TH**).
10. Peraturan pengeluaran pusaka ini adalah tertakluk kepada pindaan dan **TH** berhak pada bila-bila masa meminda peraturan tersebut yang difikirkan sesuai tanpa memberikan sebarang notis kepada pelanggan.

Sebarang pertanyaan sila hubungi:

**Tabung Haji Contact Centre (THCC)**

Telefon: 03-62071919

E-mel: [th-info@lth.gov.my](mailto:th-info@lth.gov.my)

Online: [www.tabunghaji.gov.my](http://www.tabunghaji.gov.my)